UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جَامِعَة العُلوم الإسْلامِيَة المَالِيزِيَة
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

DIPLOMA AMALAN KEHAKIMAN DAN GUAMAN SYARIE

SEMESTER 2 TAHUN 2025/2026

LLA7093

ACARA JENAYAH DI MAHKAMAH SYARIAH

Tugasan Penulisan Individu:

Kewajaran Penubuhan Penjara Khas bagi Pesalah Jenayah Syariah: Kekangan Perundangan dan Cadangan Penyelesaian

NAMA PENSYARAH:

TUAN MOEIS BASRI

DISEDIAKAN OLEH :

AHMAD BAIHAQI BIN HASMAWI
(2251165)

1.0 Pendahuluan

Isu penubuhan penjara khas bagi pesalah jenayah Syariah bukan hanya berkaitan dengan hukuman, tetapi juga melibatkan kedudukan Mahkamah Syariah, bidang kuasa negeri dan Persekutuan serta tujuan hukuman dalam Islam. Pada pandangan saya, cadangan ini wajar dipertimbangkan kerana kesalahan Syariah mempunyai sifat yang berbeza daripada jenayah sivil biasa.

Sekiranya pesalah Syariah hanya dihukum tanpa bimbingan yang sesuai, mereka mungkin mengulangi kesalahan yang sama. Oleh itu, sistem pemulihan yang berasaskan nilai Syariah dan perundangan yang terancang adalah penting. Namun begitu, cadangan ini perlu diteliti kerana terdapat kekangan undang-undang seperti had bidang kuasa Mahkamah Syariah di bawah Akta 355 dan pentadbiran penjara yang berada di bawah kuasa Persekutuan. Justeru, penulisan ini akan membincangkan kewajaran penubuhan penjara khas Syariah, kekangan perundangan serta cadangan penyelesaian yang sesuai.

2.0 Kewajaran mewujudkan penjara khas pesalah jenayah Syariah

Antara beberapa perkara yang boleh menyokong kewajaran mewujudkan penjara khas bagi pesalah jenayah Syariah ialah Cadangan mewujudkan penjara khas bagi pesalah jenayah Syariah juga boleh dilihat sebagai satu usaha untuk memperkukuhkan kedudukan Mahkamah Syariah supaya tidak dianggap lemah berbanding sistem sivil. Hal ini kerana bidang kuasa Mahkamah Syariah pada masa ini masih terhad, terutamanya dari sudut hukuman jenayah yang dikawal oleh Akta 355. Selain itu, kuasa Mahkamah Syariah juga berpunca daripada Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, yang membahagikan kuasa antara Persekutuan, Negeri dan Bersama.[1]

Selain itu, Kengkangan yang mesti dihadapi ialah pentadbiran penjara di Malaysia berada di bawah bidang kuasa Persekutuan melalui Akta Penjara 1995. Oleh itu, negeri tidak boleh sewenang-wenangnya menubuhkan penjara Syariah secara berasingan kerana perkara tersebut boleh menimbulkan isu pertindihan kuasa antara kerajaan negeri dan Persekutuan. Jika penjara Syariah ingin diwujudkan, perlu ada asas undang-undang yang jelas supaya penubuhannya tidak dianggap melampaui bidang kuasa negeri.

Dan jika kita perhatikan lagi bahawa had hukuman di bawah Akta 355 masih rendah. Pada masa ini, hukuman penjara yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah masih terhad, iaitu maksimum tiga tahun sahaja. Oleh itu, cadangan untuk membina penjara Syariah yang besar mungkin dipersoalkan dari segi kos, keperluan dan keberkesanannya. Sebab itu, pindaan

[1] Institut Kefahaman Islam Malaysia. (2018). Bidang Kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu Pengenalan Ringkas

RUU 355 sering dikaitkan dengan usaha memperkukuhkan Mahkamah Syariah, termasuk dari sudut hukuman dan pelaksanaannya.

Selain itu, penjara Syariah juga boleh menimbulkan risiko pertindihan dengan sistem sivil yang sedia ada. Jika tiada rangka undang-undang yang jelas, akan timbul persoalan tentang siapa yang akan mengurus penjara tersebut, sama ada pihak negeri atau Persekutuan. Isu seperti kos pentadbiran, keselamatan, hak banduan dan standard pengurusan juga perlu dijelaskan terlebih dahulu sebelum penjara Syariah boleh diwujudkan.

3.0 Cadangan Penyelesaian

Antara cadangan penyelesaian ialah Mewujudkan unit khas Syariah dalam penjara sedia ada, dimana Kerajaan boleh mewujudkan blok, unit atau modul khas pesalah Syariah dalam penjara yang ditadbir oleh Jabatan Penjara Malaysia. Dengan cara ini, isu bidang kuasa dapat dikurangkan kerana penjara masih berada bawah sistem Persekutuan, tetapi modul pemulihan boleh disesuaikan dengan pesalah Syariah.

Kedua ialah Pesalah Syariah boleh menjalani modul khusus yang dibangunkan bersama oleh Jabatan Penjara Malaysia, JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri, kaunselor, pegawai pemulihan dan pakar psikologi. Ini lebih boleh dinilai kerana kesalahan Syariah memerlukan pendekatan agama dan sosial, bukan hanya kawalan keselamatan.

Terakhir ialah Pinda Akta 355 secara berfasa dimana pindaan Akta 355 perlu dibuat secara berfasa supaya bidang kuasa Mahkamah Syariah diperkukuh tanpa menimbulkan kebimbangan perlembagaan atau salah faham masyarakat. Pindaan itu juga perlu disertai garis panduan hukuman, standard pemulihan, hak pesalah dan semakan kehakiman yang jelas.

4.0 Penutup

Kesimpulannya, penubuhan penjara khas bagi pesalah jenayah Syariah adalah satu cadangan yang wajar dipertimbangkan kerana ia boleh membantu proses pemulihan pesalah dengan pendekatan yang lebih sesuai, khususnya melalui bimbingan agama, kaunseling dan pendidikan akhlak. Namun begitu, pelaksanaannya perlu mengambil kira kekangan perundangan seperti bidang kuasa Mahkamah Syariah yang terhad, kedudukan Akta 355 serta pentadbiran penjara yang berada di bawah bidang kuasa Persekutuan. Oleh itu, penyelesaian yang lebih praktikal ialah mewujudkan unit atau pusat pemulihan khas dalam sistem sedia ada, supaya tujuan hukuman Syariah bukan sahaja untuk menghukum, tetapi juga untuk mendidik dan mencegah pesalah daripada mengulangi kesalahan